

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR UMS  
BRID. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA  
DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON  
SEMPENA MAJLIS WATIKAH PERLANTIKAN  
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 200 / 2010  
11 JULAI 2010 (JAM 11 PAGI)  
DEWAN LATIHAN ANJUNG SISWA**

---

BISMILLAHIRAHMANIRRAHM

TERIMA KASIH SAUDARI PENGACARA MAJLIS

Y.BRS. PROF. MADYA DR. HJ. KASIM HJ. MD MANSUR  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

Y.BRS. PROF. DR. AMRAN AHMED  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Y.BRS. PROF. DR. ROSNAH ISMAIL  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

MEJAR (K) ABDULLAH SAID  
PENDAFTAR UMS

TN. HJ. RIZAL OTHMAN  
BENDAHARI UMS

PN. DAYANG RUKIAH AWG AMIT  
KETUA PUSTAKAWAN UMS

PENGARAH – PENGARAH , KETUA – KETUA JABATAN , BAHAGIAN DAN UNIT

PENGETUA – PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN DAN FELO

SEMUA KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2009 / 2010 YANG DIRAIKAN

SISWA SISWI UMS

ASSALAMUALAIKUM WARAHMUTULLAHIWABARAKATUH , SALAM SEJAHTERA DAN SALAM  
SATU MALAYSIA

ALHAMDULLILLAH , SYUKUR KEPADA ALLAH SWT, KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA ,  
KITA DAPAT DIPERTEMUKAN DALAM SATU MAJLIS YANG KHUSUS UNTUK MERAIKAN  
PERLANTIKAN AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2009 / 2010. PROGRAM INI  
SEBENARNYA TELAH LAMA DIRANCANG TETAPI TERPAKSA DITANGGUHKAN BEBERAPA KALI

ATAS MASA DAN KEADAAN YANG TIDAK MENGIZINKAN. WALAUBAGAIMANA PUN SUKA SAYA MENYATAKAN BAHAWA, MAJLIS WATIKAH PERLANTIKAN INI CUMA SEBAGAI SIMBOLIK LANTIKAN ; TETAPI SECARA RASMINYA APABILA SAUDARA SAUDARI DIUMUMKAN SEBAGAI PEMENANG OLEH PENGURUS PEMILIHAN PELAJAR DALAM PEMILIHAN PELAJAR YANG LALU (PADA TARIKH 28 JANUARI 2010) ANDA SEBENARNYA SUDAH RASMI SEBAGAI AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH. OLEH ITU JANGAN TERLALU TERGANGGU DISEBABKAN TIDAK ADA MAJLIS RASMI SEUMPAMA INI. YANG PENTING ANDA BERSAMA – SAMA DENGAN SAYA SERTA PENGURUSAN UNIVERSITI INI UNTUK MENYUMBANG KEPADA UNIVERSITI DAN NEGARA.

### **PARA HADIRIN SEKALIAN,**

SEMANGAT UNTUK MEMIMPIN, MENTADBIR DAN MENGURUS AMAT PENTING AGAR TANGGUNGJAWAP SAUDARA SAUDARI SEBAGAI AHLI MPP INI BENAR BENAR BERKESAN. INI KERANA , TIDAK SEMUA PELAJAR MEMPUNYAI CIRI – CIRI, SIFAT – SIFAT DAN SEMANGAT SEPERTMANA YANG ANDA MILIKI. DAN SAYA AMAT BERSYUKUR SEBAB ANDA SEDAR AKAN KELEBIHAN YANG DIMILIKI LALU MENGGUNAKANNYA DENGAN CARA YANG BETUL , IAITU TERLIBAT DALAM KEPIMPINAN MAHASISWA DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH. TETAPI SAUDARA SAUDARI PERLU INGAT , GUNAKAN KELEBIHAN DAN MANDAT SELURUH SISWA-SISWI UMS, UNTUK BEKERJA BERSAMA – SAMA SAYA DAN KAKITANGAN UNIVERSITI INI. BIARLAH KERJASAMA SESAMA KITA SENTIASA TERJALIN ERAT DEMI MEMPERKASAKAN LAGI PENCAPAIAN DAN HALATUJU UNIVERSITI YANG KITA CINTAI.

JIKA ADA SEBARANG MASALAH ATAU PENDAPAT YANG INGIN DIKETENGAHKAN, SAYA SELAKU NAIB CANSOLOR UMS SENTIASA MEMBUKA SELUASNYA PINTU PERBINCANGAN KEPADA SAUDARA SAUDARI UNTUK BERBINCANG , BERMESYUARAT , BEKERJA SAMA DALAM MENYELESAIKAN PELBAGAI MASALAH YANG MUNGKIN ANDA HADAPI. TETAPI SAYA SANGAT KECEWA KERANA MASIH ADA YANG MEMBUAT KENYATAAN – KENYATAAN NEGATIF , BERLAKON DI LUAR ARENA UMS, BERLAGAK SEBAGAI HERO TANPA MEMIKIRKAN BAHAWA DIA ADALAH MAHASISWA UMS YANG PERLU BEKERJASAMA DENGAN UNIVERSITI INI UNTUK MAJU BERSAMA. MEREKA INI SEBENARNYA ADALAH RAKYAT MALAYSIA YANG MUNGKIN MENDAPAT TAJAAN DARIPADA AGENSI TERTENTU TETAPI BERSIKAP SEBALIKNYA. SAYA FAHAM ADA DI KALANGAN AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR MEMPUNYAI FAHAMAN POLITIK TERTENTU, MEMPUNYAI AGENDA TERSENDIRI DALAM PERJUANGANNYA, MENDOKONG GAGASAN YANG LAIN DARIPADA 1 MALAYSIA . TETAPI SAYA YAKIN , KITA MASIH BOLEH BERSATU , BEKERJASAMA , BERTOLERANSI DAN BERPADU TENAGA DEMI KESAJAHTERAAN BERSAMA, BAK KATA PEPATAH ‘ BERDIRI SAMA TINGGI, DUDUK SAMA RENDAH’ .

### **SIDANG HADIRIN SERTA SAUDARA SAUDARI YANG DIRAIKAN**

SEJAK KEPUTUSAN PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR PADA 28 JANUARI 2010 YANG LALU , BERMAKNA SEKARANG LEBIH KURANG 6 BULAN MPP SESI 2009 / 2010 INI MENJALANKAN KERJA – KERJA NYA ; SUDAH BANYAK HALANGAN, RINTANGAN DAN DUGAAN YANG ANDA HADAPI SELAKU PEMIMPIN PELAJAR. TIDAK KIRALAH JAWATAN APA YANG ANDA PEGANG ATAU EXCO APA YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN ATAUPUN FAHAMAN APA YANG ANDA DOKONG. SAUDARA SAUDARI SELAKU PEMIMPIN PELAJAR PERLU ADA SUATU PENDIRIAN BERSAMA AGAR MATLAMAT KEPIMPINAN YANG INGIN DIKECAPI DAPAT DICAPAI. SEMEMANGNYA JAWATAN PRESIDEN , SETIAUSAHA, BENDAHARI , EXCO KEPIMPINAN, EXCO

KEUSAHAWANAN DAN SEUMPAMANYA MEMPUNYAI JENIS KERJA YANG BERLAINAN. ADA MEMIMPIN DAN ADA MENGURUS, ADA MENULIS DAN ADA BEKERJA, ADA BERCAKAP DAN ADA MENDENGAR. DAN BEGITULAH SETERUSNYA.

SELAKU PEMIMPIN PELAJAR SAUDARA SAUDARI PERLU CUKUP DENGAN ILMU KEPIMPINAN. SEHUBUNGAN ITU, SAYA MOHON AGAR MPP SEKALIAN DAPAT MENGHADIRKAN DIRI SEKIRANYA PIHAK UNIVERSITI MEMBUAT LATIHAN KHUSUS UNTUK SAUDARA DAN SAUDARI. NIAT KAMI ADALAH UNTUK MEMBERIKAN INPUT KEPADA ANDA SELAKU PEMIMPIN PELAJAR UMS. SAYA DIFAHAMKAN REKOD UNIT LATIHAN , BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR , JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI MENYATAKAN HANYA BEBERAPA ORANG MPP YANG KERAP KALI TERLIBAT DALAM SIRI LATIHAN YANG DIANJURKAN. SAYA TIDAK PASTI APA MASALAH YANG ANDA HADAPI, TETAPI SAYA MOHON APA JUGA MASALAH ATAU BEBANAN YANG MEMBELENGGU BIARLAH SAUDARA SAUDARI MERUJUK KEPADA PEGAWAI JABATAN HEP. BESARLAH HARAPAN SAYA AGAR AHLI MPP SEKALIAN DAPAT BERSAMA-SAMA TERUS MENINGKAT PENGALAMAN DAN ILMU DALAM DIRI MASING-MASING MELALUI KURSUS DAN LATIHAN KHAS ANJURAN PIHAK UNIVERSITI. SAYA TAHU MUNGKIN ADA YANG ENGGAN MENGIKUTI LATIHAN-LATIHAN YANG DISEDIAKAN SEBAGAI TANDA PROTES. MALAH MUNGKIN PADA HARI INI TERDAPAT SEGELINTIR YANG HADIR KE MAJLIS INI SEKADAR UNTUK MENUNJUKKAN RASA HORMAT DI ATAS KEHADIRAN SAYA BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI PENGURUSAN UNIVERSITI. UNTUK ITU SAYA INGIN TEGASKAN BAHAWA PIHAK UMS SECARA KESELURUHANNYA AKAN MENENTANG HABIS-HABISAN PENGARUH-PENGARUH NEGATIF DARI LUAR TERMASUK FAHAMAN-FAHAMAN BERBENTUK POLITIK KEPARTIAN YANG SUKA Mencari KESALAHAN ORANG LAIN, FAHAMAN SUKA BERDEMONSTRASI DAN FAHAMAN-FAHAMAN LAIN YANG BOLEH MEMPORAK PERANDAKAN KEAMANAN DAN PERPADUAN YANG ADA. SAYA SELAKU PEMIMPIN UTAMA DI UMS , TIDAK MAHU AMALAN INI BERLAKU DI UNIVERSITI INI. SAYA MOHON AGAR TUAN PUAN , SAUDARA SAUDARI BUANGKAN FAHAMAN – FAHAMAN YANG BARU DIBELA ITU SEGERA.

### **SIDANG HADIRIN SERTA SAUDARA SAUDARI YANG DIRAIKAN**

DI SEBALIK KESIBUKAN DAN KEGHAIRAHAN ANDA MENJALANKAN TUGASAN KEPIMPINAN PELAJAR, JANGAN LUPA TENTANG ASPEK KESIHATAN DAN KEBAJIKAN SERTA TANGGUNGJAWAB ANDA SELAKU MAHASISWA DAN MAHASISWI UMS. HARUS DIINGAT , FAKTOR KESIHATAN BOLEH MENYEBABKAN KEPUTUSAN PEMBELAJARAN ANDA JATUH. ITULAH YANG SAYA MAKSUDKAN. SUDAH BANYAK CONTOH DI KALANGAN RAKAN – RAKAN ANDA YANG BOLEH DIJADIKAN TELADAN. SEHUBUNGAN ITU, PASTIKAN ANDA SENTIASA MENDAPAT REHAT YANG CUKUP. RUANGKANLAH JUGA MASA UNTUK BERGIAT DALAM AKTIVITI RIADAH DAN SUKAN.

PADA KESEMPATAN INI SAYA JUGA INGIN MEMOHON AGAR SAUDARA SAUDARI SELAKU PEMIMPIN PELAJAR SENTIASA BERSAMA-SAMA DENGAN PIHAK UNIVERSITI DALAM MENGATASI SEBARANG PERMASALAHAN YANG TIMBUL KHUSUSNYA DI KALANGAN PARA PELAJAR UMS. PERBINCANGAN DAN BUAH FIKIRAN ANTARA KEDUA BELAH PIHAK PASTINYA MAMPU MENJELASKAN SEKALIGUS Mencari JALAN PENYELESAIAN MENGENAI SEBARANG ISU YANG TIMBUL. TETAPI JANGANLAH PULA MENAMBAHKAN LAGI PERMASALAHAN DENGAN MEMBERIKAN KOMEN-KOMEN YANG LEBIH MEMBURUKKAN KEADAAN. SESUNGGUHNYA TIADA UNIVERSITI YANG MENGINGINKAN SUASANA PORAK PORANDA DAN KETIDAK KERUAN DI KALANGAN SISWA SISWINYA. SAYA AMAT BERHARAP AGAR SAUDARA SAUDARI PEMIMPIN

PELAJAR , BANGUN BERSAMA SAYA DAN PENGURUSAN UNIVERSITI UNTUK MEMASTIKAN KEBAJIKAN, KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUS UMS INI TERUS TERPELIHARA.

### **SIDANG HADIRIN SERTA SAUDARA SAUDARI YANG DIRAIKAN**

SELAMA LEBIH KURANG 6 BULAN TELAH BERLALU DAN ANDA MASIH DI BAWAH KEPIMPINAN SAUDARA FAEZAN AMIDUN, SELAKU PRESIDEN MPP SESI 2009 / 2010. WALAUBAGAIMANA PUN DISEBABKAN BEBERAPA MASALAH BAGI PIHAK SAUDARA FAEZAN , MAKA BELIAU TIDAK DAPAT MENERUSKAN KEPIMPINAN UNTUK 6 BULAN LAGI. NAMUN SAUDARA SAUDARI JANGAN PATAH SEMANGAT, KERANA YANG PATAH AKAN TUMBUH, YANG PERGI ADA PENGANTI. SEHUBUNGAN ITU SAYA MENGUMUMKAN DI SINI BAHAWA SAUDARA MOHAMMAD SYAFIK RIDZWAN JAMALUDDIN SELAKU TIMBALAN PRESIDEN MPP SESI 2009 / 2010 , KINI MEMANGKU TUGAS PRESIDEN MPP .

SAYA DIMAKLUMKAN OLEH TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) BAHAWA DALAM BULAN FEBRUARI YANG LALU, SAUDARA FAEZAN PERNAH MELUAHKAN HASRAT UNTUK MELETAK JAWATAN ATAS FAKTOR KESIHATAN. WALAU BAGAIMANAPUN BELIAU MEMOHON AGAR FAEZAN MENERUSKAN DAHULU KEPIMPINAN BAGI MELIHAT PRESTASI SEMASA MPP SESI INI, DISAMPING MENYELESAIKAN BEBERAPA PERANCANGAN DAN PERBELANJAAN YANG TELAH DIBUAT AWAL SEPERTI KURSUS, POSTER DAN LAIN – LAIN YANG BERKAITAN. PROF. MADYA DR. KASIM WALAU BAGAIMANAPUN BERSETUJU PERLETAKAN JAWATAN SAUDARA FAEZAN SECARA RASMI BERKUATKUASA HARI INI.

KEPADA SEMUA KEPIMPINAN MPP YANG LAIN, ANDA MASIH MEMPUNYAI LEBIH KURANG 6 BULAN UNTUK MENERUSKAN KHIDMAT DAN PERJUANGAN SEBAGAI AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR. GUNAKAN MASA INI UNTUK MEMBUAT YANG TERBAIK UNTUK UNIVERSITI DAN RAKAN – RAKAN ANDA. KEPADA INDIVIDU YANG MASIH BELUM MEMBUAT APA – APA UNTUK PELAJAR UMS, SEGERALAH INSAF DAN SEDAR AKAN TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI PEMEGANG AMANAH AHLI MPP YANG PERNAH TERLIBAT DALAM PROSES PILIHANRAYA ATAU PEMILIHAN MPP JANUARI 2010 YANG LALU.

BERILAH SOKONGAN , DOKONGAN DAN BANTUAN SECUKUPNYA KEPADA PEMANGKU PRESIDEN YANG BARU SAUDARA MOHAMMAD SYAFIK UNTUK MENJALANKAN KERJA – KERJANYA SEPANJANG SESI INI. BUATLAH PERANCANGAN, PERBINCANGAN DAN PEMUAFAKATAN YANG BAIK BAGI MEMASTIKAN KEHADIRAN SAUDARA SAUDARI SELAKU AHLI MPP SESI 2009 / 2010 BENAR BENAR DIRASAI.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SELURUH AHLI MPP YANG TERPILIH UNTUK SESI 2009/2010. WALAUPUN BARU MENCECAH ENAM BULAN ANDA TELAH MEMBERI KOMITMEN DAN DEDIKASI YANG BAIK UNTUK TELADAN SISWA SISWI UNIVERSITI.

AKHIR KATA , SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT MENERUSKAN PERJUANGAN KEPADA BARISAN KEPIMPINAN MPP SESI 2009 / 2010 YANG KINI DIKETUAI OLEH PEMANGKU PRESIDEN SAUDARA MOHAMMAD SYAFIK RIDZWAN.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH , WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

